

**MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS**  
**KENYATAAN TAWARAN**

**NO. SEBUT HARGA : MPK.Ps. SULIT 481**

**BERTARIKH : 29 JULAI 2025**

- Tawaran adalah dipelawa kepada **KONTRAKTOR BUMIPUTERA TEMPATAN YANG BERDAFTAR DI NEGERI PERLIS** dengan **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (LPIPM / CIDB)** dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja berikut :-

SYARAT PENDAFTARAN	BUTIRAN TAWARAN	TAKLIMAT TAPAK
<p><b>GRED</b>  <b>G1 ATAU G2</b></p> <p><b>KATEGORI</b>  <b>ME</b></p> <p><b>PENGKHUSUSAN</b>  <b>E04</b>  PEMASANGAN VOLTAN RENDAH  <b>DAN</b>  <b>E11</b>  KERJA AM ELEKTRIK  <b>DAN</b>  <b>E16</b>  LAMPU JALAN DAN LAMPU ISYARAT</p>	<p><b>SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA PEMASANGAN LAMPU JALAN SOLAR DAN CCTV DI KAWASAN PERNIAGAAN KANGAR JAYA DAN TERMINAL PENGANGKUTAN AWAM BERSEPADU (TPAB) PERLIS, BANDAR KANGAR, PERLIS, DI BAWAH PROGRAM BANDAR SELAMAT TAHUN 2025 UNTUK MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS</b></p>	<p><b>TARIKH</b> : 01 OGOS 2025 (JUMAAT)  <b>MASA</b> : 9.00 PAGI - 9.20 PAGI (PENDAFTARAN)  <b>TEMPAT</b> : BELAKANG PEJABAT MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS</p>

- Taklimat dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN DAN PERLU DIHADIRI OLEH PENAMA YANG DITAULIAHKAN SEPERTI NAMA DALAM SIJIL PENDAFTARAN** sahaja. **WAKIL-WAKIL KONTRAKTOR ADALAH TIDAK DIBENARKAN**. Kontraktor perlu menunggu sehingga selesai taklimat dan lawatan tapak seperti yang diarahkan oleh Pihak Majlis. Sila bawa bersama **SIJIL-SIJIL PENDAFTARAN SEPERTI SIJIL TARAF BUMIPUTERA (PKK), SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN (CIDB), SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (CIDB) DAN SURAT KEBENARAN KHAS (CIDB) (JIKA BERKAITAN)** SERTA DOKUMEN PENGENALAN DIRI DAN COP SYARIKAT semasa taklimat dan lawatan tapak untuk pendaftaran.
- Semasa pembelian dokumen tawaran, **PENAMA YANG DITAULIAHKAN SEPERTI NAMA DALAM SIJIL PENDAFTARAN (SILA BAWA DOKUMEN PENGENALAN DIRI)** perlu menyerahkan SATU (1) SALINAN SIJIL-SIJIL PENDAFTARAN SEPERTI SIJIL TARAF BUMIPUTERA (PKK), SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN (CIDB), SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (CIDB) DAN SURAT KEBENARAN KHAS (CIDB) (JIKA BERKAITAN).
- Naskah dokumen tawaran boleh dibeli dengan harga **RM 50.00** daripada **UNIT PEROLEHAN, MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS** di alamat **NO. 192, PERSIARAN JUBLI EMAS, 01000 KANGAR, PERLIS** mulai daripada :-  
  - A) **TARIKH PENJUALAN DOKUMEN** : 05 OGOS 2025 (SELASA) - 07 OGOS 2025 (KHAMIS)
  - B) **TARIKH TUTUP PENGHANTARAN DOKUMEN** : 11 OGOS 2025 (ISNIN)  
(TIDAK LEWAT DARI JAM 12.00 TENGAHARI)
  - C) **MASA PENJUALAN DOKUMEN** : 8.30 PAGI - 3.45 PETANG
  - D) **WAKTU REHAT** : 1.00 TENGAHARI - 2.15 PETANG (ISNIN - KHAMIS)  
: 12.00 TENGAHARI - 2.45 PETANG (JUMAAT)
- DOKUMEN TAWARAN ASAL** yang telah dipenuhi dengan sempurna, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakari dan bertulis **NO. SEBUT HARGA** dan **BUTIRAN TAWARAN** pada sampul surat serta dihantar supaya sampai ke **PETI TAWARAN DI MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS** tidak lewat dari jam **12.00 TENGAHARI**. Dokumen tawaran yang diserahkan selepas tarikh dan masa yang ditetapkan berbangkit dari apa jua sebab tidak akan dilayan.
- Majlis tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali atau mana-mana tawaran.